



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

01 Disember 2015

Kenyataan Media YB Dato' Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia Berhubung

Prosiding Pengurusan Kawalan Tadbir Urus Syarikat 1MDB membabitkan Encik Arul Kanda Kandasamy Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB.

JAWATANKUASA Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Malaysia hari ini, mendengar keterangan daripada Encik Arul Kanda Kandasamy, Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB berhubung Pengurusan Kawalan Tadbir Urus syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Semua ahli PAC berpeluang untuk bertanyakan semua soalan mengenai isu berkaitan 1MDB dan Encik Arul Kanda Kandasamy telah menjelaskan semua soalan dengan baik serta menyeluruh dan saya berpuas hati dengan penjelasan Encik Arul Kanda Kandasamy

PAC bagaimanapun, akan memanggil lagi Encik Arul Kanda Kandasamy pada 18 Disember (Jumaat) jam 9 pagi bagi menyambung semula prosiding.

Secara keseluruhannya, PAC lega 1MDB membuat urusan dan pelaburan luar negara dengan syarikat-syarikat luar negara yang mempunyai reputasi.